

Memorandum

No. Ruj. : USM. 65/9 Jld.CXLIV

Tarikh : 13 Ogos 2026

Kepada : Semua Staf Kontrak / Felo Pasca Doktorat
Universiti Sains Malaysia (USM) &
Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 46 TAHUN 2026

- NOTIS PELEPASAN LIABILITI BAGI SKIM LINDUNG 24 JAM PERKESO LANTIKAN STAF KONTRAK DAN FELO PASCA DOKTORAL

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah memperkenalkan **Skim LINDUNG 24 Jam** di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) berkuat kuasa penggajian Jun 2026. Skim LINDUNG 24 Jam merupakan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) yang memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja bagi kemalangan yang berlaku di luar waktu kerja yang tidak berkait langsung dengan penggajian ataupun pekerjaan.

3. Bermula bulan Julai 2026, Skim LINDUNG 24 Jam ini adalah **mandatori bagi pekerja asing** dan bersifat **sukarela bagi pekerja tempatan**. Caruman skim perlindungan ini **ditanggung sepenuhnya oleh pekerja** dengan kadar caruman sebanyak **0.75%** daripada gaji bulanan pekerja yang merupakan tambahan daripada caruman sedia ada.

4. Bagi staf yang memilih untuk **TIDAK** menyertai skim perlindungan ini, tuan/puan dikehendaki untuk melengkapkan **Notis Pelepasan Liabiliti** di Portal Lindung Faedah (lindungfaedah.perkeso.gov.my). Sekiranya pihak PERKESO **tidak menerima** sebarang Notis Pelepasan Liabiliti sehingga **31 Ogos 2026**, penyertaan tuan/puan di bawah skim ini akan **diaktifkan secara automatik**.

5. Sehubungan dengan itu, tuan/puan dipohon untuk mengesahkan penyertaan **Skim LINDUNG 24 Jam** kepada pihak Bahagian Sumber Manusia selewatnya pada 24 Ogos 2026 (Isnin) melalui pautan <https://forms.cloud.microsoft/r/aPAbJZPNau>. Ini bertujuan untuk pihak Universiti membuat **penyelarasan caruman mulai bulan September 2026 termasuk amaun tunggakan caruman bulan Jun, Julai dan Ogos 2026** berdasarkan jadual caruman LINDUNG 24 Jam yang telah ditetapkan. Caruman bagi bulan Jun adalah mandatori kepada semua pencarum PERKESO.

6. Bersama-sama ini dilampirkan carta alir Pengesahan Penyertaan Skim Lindung 24 Jam dan maklumat berkaitan untuk rujukan pihak tuan/puan. Untuk maklumat lanjut berkenaan skim perlindungan ini, sila layari laman web PERKESO di www.perkeso.gov.my.

7. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

...2/

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 46 TAHUN 2026

- NOTIS PELEPASAN LIABILITI BAGI SKIM LINDUNG 24 JAM PERKESO LANTIKAN STAF KONTRAK DAN FELO PASCA DOKTORAL**
-

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k. Pendaftar

Bendahari

Timbalan Pendaftar Kanan

Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)

Timbalan Pendaftar Kanan

Jabatan Pendaftar

Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan

Jabatan Pendaftar

Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin

Timbalan Pendaftar

Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi (PKTAAB)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Penyelidikan Dan Inovasi